

**DARURAT DI TANAH MELAYU 1948-1960 :  
STRATEGI DAN KESAN TERHADAP KEDAH**

**Oleh**

**MOHD KASRI BIN SAIDON**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera**

**Mac 2007**

## **PENGAKUAN**

Saya akui bahawa penulisan adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**MOHD KASRI BIN SAIDON**  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini mengambil masa yang agak panjang telah memberikan saya pelbagai pengalaman pahit manis. Kajian ini tidak mungkin dapat disiapkan tanpa tunjuk ajar dan panduan dari para ahli akademik yang mahir tentang penulisan sejarah. Jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Mohd. Isa bin Othman, selaku penyelia yang banyak meluangkan masa dan tenaga membimbing saya dalam kajian ini.

Penghargaan juga kepada staf Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, terutamanya kepada Pn. Che Yan, En. Asri dan En. Roslan yang banyak membantu selama tiga tahun saya melakukan penyelidikan di Arkib. Begitu juga kepada DSP Zaidong Mustafa dan Sarjan Rashid dari Jitra yang sedikit sebanyak memberikan panduan dan galakan untuk saya menyiapkan kajian ini.

Jutaan terima kasih juga kepada En. Alias Ahmed (Kuala Lumpur) sekeluarga yang memberikan sokongan dan pandangan mereka yang meringankan kepayahan yang saya tempoh sepanjang kajian dibuat.

Teristimewa ribuan kasih sayang kepada isteri Siti Rodziah dan anakanda Ahmad Azizi yang memahami keinginan sebenar diri saya. Sokongan, pemahaman dan kasih sayang mereka adalah harta saya yang paling bernilai.

Saya kira kajian ini hanyalah satu kajian yang penuh dengan segala kekurangan dari saya yang cetek pengetahuan serta pengalaman dalam pengkajian sejarah. Namun harapan saya kajian ini sedikit sebanyak akan menambahkan khazanah sejarah kita tentang darurat yang semakin jauh kita tinggalkan.

Darurat adalah antara episod perjuangan bersenjata yang melibatkan rakyat Tanah Melayu melawan pihak yang dianggap menjejas keselamatan negara. Dalam kalangan pasukan rakyat ini ramai yang turut terkorban dan keamanan serta kemakmuran kita hari ini lahir dari keringat perjuangan mereka. Semoga tuhan memberi rahmat ke atas roh mereka.

Sekian, terima kasih.

Mohd Kasri b. Saidon

Jitra, Kedah

## **SUSUNAN KANDUNGAN**

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>KEPENDEKAN</b>	xiii
<b>ABSTRAK</b>	xv
<b>ABSTRACT</b>	xvii
<b>PETA KEDAH</b>	xviii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Sumber dan Permasalahan	2
1.2 Tema Penulisan	7
1.3 Sorotan Literatur	8
1.4 Latar Belakang Politik, Sosial dan Ekonomi Kedah	15
1.4.1 Politik	15
1.4.2 Sosial	20
1.4.3 Ekonomi	23
1.5 Komunisme dan Pertualangan Di Kedah Sebelum Perang Dunia Kedua	27
1.5.1 Kongsi Gelap Cina	33

1.5.2	Melayu Kedah dan Pakatan Haram	35
1.5.3	Agama dan Budaya	41
1.5.4	Ekonomi	47
1.5.5	Komunis di Kedah	50
<b>BAB 2</b>	<b>KEDAH SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA SEHINGGA TERCETUSNYA DARURAT</b>	<b>64</b>
2.1	Kembalinya British	64
2.2	Pentadbiran	67
2.3	Suasana Dalam negeri	70
2.3.1	14 Hari Huru-Hara Angkara Komunis	72
2.3.2	Pasukan 136 (Askar Melayu Setia)	73
2.3.3	<i>Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA)</i>	75
2.3.4	Kekurangan Makanan	83
2.3.5	Kewangan	87
2.3.6	Samun	88
2.3.7	Pembubaran MPAJA	91
2.3.8	Ex MPAJA	93
2.3.9	Pemogokan Ladang dan ' <i>Thondar Padai</i> '	97
2.3.10	<i>Pan Malayan Federation Trade Union</i> dan Pakatan Politik	105
2.3.11	<i>Malayan Union</i> dan Persekutuan Tanah Melayu	113
2.3.12	Siri Pembunuhan	121
2.3.13	PKM, Mengorak Langkah Subversif	126
2.3.14	Perintah Buang Negeri	130

2.3.15	Darurat	132
<b>BAB 3</b>	<b>KESELAMATAN KEDAH : KONFLIK ANTARA PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) DAN KERAJAAN 1948-1960</b>	<b>149</b>
3.1	Serangan dan Gerakan Subversif PKM Mengikut Tahun	149
3.1.1	Tahun 1948	149
3.1.2	Tahun 1949	154
3.1.3	Tahun 1950	157
3.1.4	Tahun 1951	162
3.1.5	Tahun 1952	171
3.1.6	Tahun 1953	176
3.1.7	Tahun 1954	180
3.1.8	Tahun 1955	184
3.1.9	Tahun 1956 Sehingga Tamat Darurat	186
3.2	Strategi Kerajaan Pusat Melawan Komunis	191
3.2.1	Pentadbiran	193
3.2.2	Undang-Undang Darurat	198
3.2.3	Ordinan Kesatuan Sekerja	201
3.2.4	Buang Negeri ( <i>Banishment</i> )	203
3.2.5	Perintah Berkurung ( <i>Curfew</i> ) dan Hukuman Setempat ( <i>Collective Punishment</i> )	203
3.2.6	Kewarganegaraan	204
3.2.7	Kad Pengenalan	205
3.2.8	Kelulusan Lesen Senjata Api	206

3.2.9	Peraturan Tenaga Manusia ( <i>Man Power Regulation</i> )	207
3.2.10	Kem Tahanan ( <i>Detention Camp</i> )	208
3.2.11	Perintah Berpindah, Penempatan Semula dan Pengumpulan Semula ( <i>Removal Order, Resettlement dan Regrouping</i> )	208
3.2.12	Daerah Kawalan ( <i>Controlled Area</i> )	209
3.2.13	Kawasan Kawalan dan Larangan Bahan Makanan ( <i>Food Control</i> dan <i>Food Restricted Centre</i> )	210
3.2.14	Serahan Diri ( <i>Amnesty</i> ) dan Ganjaran ( <i>Reward</i> )	211
3.2.15	Rundingan Baling	213
3.2.16	Operasi dan Tindakan Pasukan Keselamatan	215
3.2.17	Kemantapan Rakyat	224
<b>BAB 4</b>	<b>KESAN DAN PERMASALAHAN AKIBAT DARURAT</b>	<b>252</b>
4.1	Pentadbiran Darurat dan Undang-undang	251
4.1.1	Pentadbiran	252
4.1.2	Majlis Perang ( War Council )	254
4.1.3	Jawatankuasa Penasihat Daerah ( <i>District Advisory Committee</i> )	256
4.1.4	Pejabat Hal Ehwal Orang Cina ( <i>Chinese Affair Office</i> )	257
4.1.5	Penempatan Darurat	259
4.1.6	Ordinan Buang Negeri	260
4.1.7	Arahan Pindah	263
4.1.8	Kawasan Kawalan Makanan	263

	4.1.9 Kad Pengenalan	266
4.2	Pemantapan Pertahanan Tempatan	269
	4.2.1 Pemantapan Pasukan Polis	270
	4.2.2 Pemantapan Pasukan Tentera	272
	4.2.3 Pemantapan Prasarana Pertahanan	273
	4.2.4 Siri Operasi	276
4.3	<i>Home Guard Sebagai Pasukan Rakyat</i>	282
	4.3.1 Rantaian Tadbir ( <i>Chain of Command</i> )	283
	4.3.2 Penyertaan Rakyat Dalam HG	285
	4.3.3 Penambahbaikan HG	290
	4.3.4 Kebajikan Anggota HG	296
	4.3.5 Kepimpinan Tempatan Dalam HG	297
4.4	Penguatkuasaan Kawasan Kawalan	301
4.5	Perang Saraf	304
4.6	Permasalahan Kerja Darurat	310
	4.6.1 Masalah Dalam HG	310
	4.6.2 Masalah Dalam Pasukan Keselamatan ( Polis dan Tentera )	316
	4.6.3 Masalah Keselamatan Sosial	321
	4.6.4 Masalah Penempatan ( <i>Resettlement</i> dan <i>Regrouping</i> )	324
	4.6.5 Bantahan Pindah	329
	4.6.6 Menyentuh Persoalan Agama	333
	4.6.7 Bantuan Kerajaan	337

	4.6.8 Masalah Tanah	338
4.7	Kepayahan Hidup Akibat Darurat	341
	4.7.1 Kepayahan Mencari Rezeki	341
	4.7.2 Nasib Bekas SC	347
	4.7.3 Ingin Kembali	349
	4.7.4 Memohon Tanah	351
	4.7.5 Peladang dan Pesawah Semasa Darurat	353
	4.7.6 Bantuan dan Pembangunan Atasi Kepayahan	358
4.8	Situasi Setelah Beroleh Keamanan	361
	4.8.1 Penghidupan Sosial Masyarakat	362
	4.8.2 Bangunan HG	367
	4.8.3 Suasana Politik	368
4.9	Tamat Darurat	370
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>		392
<b>BIBLIOGRAFI</b>		397
<b>LAMPIRAN</b>		418

## **SENARAI GAMBAR**

GAMBAR	: Tentera Jepun dalam perbarisan menyerah diri	
1.1	di Lapangan Terbang Sungai Petani	62
GAMBAR	: Senjata-senjata yang diserah Jepun kepada	
1.2	British	63
GAMBAR	: Hj Mohamad Syarif Osman,	
2.1	Menteri Besar Kedah 1948 – 1957	
	Meninggal dunia pada 27 Sept. 1962	147
GAMBAR	: Kedah di bawah Jepun, Baginda Sultan Badlishah	
2.2	dalam satu majlis bersama pegawai tentera Jepun	148
GAMBAR	: Keanggotaan HG di Sik, Kedah	249
3.1		
GAMBAR	: HG dalam satu sesi latihan di Kedah Selatan	
3.2	dalam era darurat	250
GAMBAR	: Major General Fonblanque dalam satu upacara	
4.1	kurniaan surat kepujian HG di Sik, Kedah dalam	
	tahun 1951	390
GAMBAR	: Sekolah Melayu Teloi, dibantu dengan kewangan	
4.2	sejumlah \$1200 oleh SWEC	391

## **SENARAI JADUAL**

JADUAL 2.1 :	Perbandingan Pentadbiran Jepun dan British	69
JADUAL 2.2 :	Penghasilan Padi Di Kedah 1940-1946	85
JADUAL 2.3 :	Mogok Ladang	103
JADUAL 3.1 :	Kekuatan Gerakan Operasi PKM	163
JADUAL 3.2 :	Ancaman Musuh Di Kedah	178
JADUAL 3.3 :	Pecahan Keturunan Musuh Yang Dibunu	188
JADUAL 3.4 :	Kemalangan dan Kecederaan Pasukan Keselamatan dan PKM 1948-1960	190
JADUAL 4.1 :	Tugas SWEC dan DWEC	255
JADUAL 4.2 :	Perjalanan Tadbir Jawatankuasa Perang Peringkat Daerah	255
JADUAL 4.3 :	Jumlah <i>Unsalaries</i> HG	288
JADUAL 4.4 :	Jumlah <i>Unsalaries</i> HG Daerah Baling	288
JADUAL 4.5 :	<i>Regrouping</i> Daerah Baling	328
JADUAL 4.6 :	Keluasan Ladang Di Kedah 1952-1953 (ekar)	354
JADUAL 4.7 :	Sambutan Tamat Darurat	372

## **KEPENDEKAN**

API	: Angkatan Pemuda Insaf
AP	: <i>Auxillary Police</i> (Polis Bantuan)
APC	: <i>Armored Personnel Carrier</i> (Kereta Perisai)
AWAS	: Angkatan Wanita Sedar
BMA	: <i>British Military Administration</i>
CEP	: <i>Captured Enemy Personal</i> (musuh ditawan)
HG	: <i>Home Guard</i>
INA	: <i>Indian National Army</i>
KMM	: Kesatuan Melayu Muda
KMK	: Kesatuan Melayu Kedah
KMT	: Komintang
MPAJA	: <i>Malayan People Anti Japanese Army</i>
PKM	: Parti Komunis Malaya
PKC	: Parti Komunis China
PKT	: Parti Komunis Thailand
PKMM	: Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PAS	: Parti Islam Se Malaya
PWD	: <i>Public Work Department</i> (Jabatan Kerja Raya)
RIDA	: <i>Rural and Industrial Development Authority</i>
PL	: <i>Police Lieutenant</i>
Saberkas	: Syarikat Kerjasama Am Saiburi

SWEC	: <i>State War Executive Committee</i>
DWEC	: <i>District War Executive Committee</i>
SUK	: Setiausaha Kerajaan Kedah (Fail)
RCK	: <i>Resident Commissioner Kedah (Fail)</i>
SEP	: <i>Surrendered Enemy Personal</i> (musuh menyerah)
UMNO	: <i>United Malays National Organization</i>
OCPD	: <i>Officer In Charge Police District</i>
OSPC	: <i>Officer In Charge Police Circle</i>
MCA	: <i>Malayan Chinese Association</i>
MIC	: <i>Malayan Indian Congress</i>
Kpl	: Kopral
Sjn	: Sarjan

## **DARURAT DI TANAH MELAYU 1948-1960 : STRATEGI DAN KESAN TERHADAP KEDAH**

### **ABSTRAK**

Kajian ini melihat Kedah dalam era darurat, memberi penumpuan kepada segala apa yang berlaku sepanjang tahun 1948 hingga 1960. Malah ianya juga memperlihatkan situasi Kedah beberapa tahun lebih awal sebagai asas apa yang terjadi kemudiannya. Kajian ini mendedahkan aspek strategi dan kesan terhadap apa yang dilakukan kedua-dua belah pihak, sama ada kerajaan atau komunis dalam menjayakan cita-cita mereka.

Segala apa yang dilakukan oleh pihak pemerintah lebih berkisar dalam soal keselamatan yang kemudiannya menjadi asas kepada perancangan mempertahan Tanah Melayu serta melawan ancaman komunis. Perjalanan strategi kerajaan tersebut mendatangkan kesan kepada perjalanan pentadbiran negeri serta penghidupan rakyat.

Kesan ini jelas mencakupi aspek sosial, ekonomi dan politik yang diadun dalam kancang penghidupan sepanjang tahun-tahun diancam musuh. Hasilnya menjelaskan, Kedah seperti juga negeri lain tidak terlepas dari diasak hebat oleh komunis dan Kedah juga bangun melawan berasaskan pelan dan perancangan yang dilakukan pada peringkat pusat dan negeri.

British telah melakukan tindakan bijak dengan mengerakkan pertahanan merangkumi seluruh lapisan masyarakat. Kesilapan yang

mereka lakukan dengan menyerahkan keselamatan Tanah Melayu semata-mata kepada pasukan keselamatan ternyata tidak diulang dalam episod darurat. Rakyat Kedah buat kali pertama digerakkan sebagai elemen pertahanan, mereka telah berjaya memainkan peranan sewajarnya. Pihak Parti Komunis Malaya akhirnya gagal dalam perjuangan mereka dalam 12 tahun era darurat di Kedah.

## **EMERGENCY IN MALAYA : STRATEGIES AND IMPACTS TOWARDS KEDAH 1948-1960**

### **ABSTRACT**


The significance of the study is to look on Kedah during the years of emergencies, 1948 to 1960. Also the study reflects a few years before as a basic or foundation to the forward descriptions. The study also pictures to the past strategies and the impacts to what had been done by the two parties, the government and the communist in order to achieve their goals.

What had happened was closely related to the securities and with that laid the planning on defending and attacking. The works gave great impact to the running government and lives of people in Kedah.

The impact covered on humanity aspects such as social, economic and politic. It had been blended to the lives through out the disasters years. It clearly shows, Kedah just like other states fought back through all the plans and strategies planning by the state and the federal government.

As a ruler, British government did a cunning action by manipulating defenses through the civilians. The mistakes that they did during the Second World War by relying the safeness of Malaya to the hands of securities forces was not repeated. For the first times the people of Kedah was the in form of the defenders. They did the great job as the Communists failed their objectives after the 12 hard years in the period of emergencies in Kedah.

## PETA NEGERI KEDAH



(Sumber : *Atlas KBSM*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn.

Bhd., 1994)

## **BAB 1**

### **Pengenalan**

Kajian ini menumpukan kepada sejarah darurat di negeri Kedah dan Semenanjung Tanah Melayu secara amnya. Dalam jangka waktu tersebut rakyat Kedah dan seluruh Tanah Melayu menempuh saat sukar akibat pemberontakan bersenjata yang dilancarkan Parti Komunis Malaya (PKM) ke atas kerajaan British yang mentadbir Tanah Melayu. Penentangan PKM ini merupakan tindak balas ke atas kerajaan British yang mengharamkan PKM sekali gus mengisyiharkan darurat.

Penentangan antara pakatan rakyat dan pemerintah yang menentang ancaman komunis ini telah membawa kepada konflik yang panjang. Episod darurat yang memakan masa selama 12 tahun telah menyaksikan pelbagai rangkuman peristiwa yang melibatkan pihak kerajaan, PKM dan rakyat Malaya sendiri. Tumpuan kajian adalah suasana yang berlaku di negeri Kedah yang turut menerima kesan dan memberi tentangan kepada pihak komunis.

Kajian ini juga menyentuh tentang permasalahan yang berlaku di peringkat nasional yang kemudiannya menjurus kepada apa yang berlaku di Kedah. Keputusan yang diambil di peringkat pusat pentadbiran di Kuala Lumpur ketika itu kemudiannya diimplementasikan di semua negeri termasuk Kedah. Ini diikuti dengan pelbagai peristiwa dari sudut sosio ekonomi dan politik yang terhasil semasa episod penentangan itu.

## **1.1 Sumber dan Permasalahan**

Kajian ini bersumberkan semua bentuk keterangan dalam bentuk dokumentasi bertulis, bergambar dan temubual yang direkodkan. Dokumentasi bertulis terdiri dari koleksi surat-surat Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK) yang dirujuk di Arkib Negara Cawangan Kedah – Perlis. Selain surat-surat juga terdapat pelan, peta, sisipan berita dan gambar yang berguna untuk kajian ini. Sumber kajian juga didapati dari penulisan para pengkaji yang terdahulu. Kebanyakan pengkaji adalah para sejarawan yang menjadi tenaga pengajar di universiti atau pegawai jabatan-jabatan kerajaan seperti polis, tentera dan dalam pentadbiran awam sama ada di peringkat negeri atau persekutuan.

Terdapat juga beberapa penulisan yang berupa pengalaman peribadi (*memoir*) yang memberikan imput yang begitu banyak untuk melengkapkan kajian ini. Mereka yang menulis ini terlibat dalam pelbagai kerjaya, ada yang sebagai pemimpin politik, pegawai tadbir dan yang menarik ramai yang merupakan bekas pegawai pasukan keselamatan. Golongan inilah yang paling banyak menempuh asam garam ancaman komunis sepanjang darurat.

Sepanjang episod darurat, akhbar merupakan antara media yang popular. Rujukan akhbar dibuat bermula dari zaman awal selepas kekalahan Jepun, sepanjang darurat sehingga saat terkini apabila persoalan darurat dibincangkan kembali. Banyak juga petikan akhbar yang diperolehi dalam pelbagai terbitan seperti buku dan majalah yang berkait dengan persoalan darurat.

Sumber bergambar (*pictorial*) didapati dari koleksi Arkib Negara, Muzium Polis dan terbitan Universiti Utara Malaysia. Koleksi Arkib lebih kepada himpunan foto-foto lama sepanjang peristiwa darurat berlaku. Muzium Polis memberikan imput secara visual tentang penglibatan pihak polis yang menjadi teras perjuangan melawan musuh tersebut.

Sebuah filem terbitan syarikat tempatan seperti ‘*Bukit Kepong*’ juga turut membantu memberikan imput dan penonjolan suasana darurat. Filem tersebut adalah paparan semula akan keadaan yang berlaku dalam tempoh darurat. Ianya adalah karya sejarah yang dihasilkan dengan kajian dan kerjasama pelbagai pihak yang sememangnya terlibat kala itu.

Universiti Utara Malaysia di bawah seliaan Allahyarham Kolonel Prof. Fauzi Basri telah mengadakan forum tentang darurat yang membincangkan kembali peristiwa yang berlaku di Sintok. Forum yang telah divideokan ini juga menjadi sebahagian dari bahan rujukan.

Sumber tidak akan lengkap jika mereka yang terlibat dalam peristiwa tersebut tidak dirujuk. Penulis membuat temubual dengan ramai warga tanah air yang pernah merasakan ancaman komunis, samada sebagai pejuang, rakyat biasa atau sebagai musuh sendiri. Mereka ini sudah tidak begitu ramai, berjaya memberikan imput yang jelas beserta bukti dan kutipan pengalaman yang amat menarik untuk kajian ini.

Persoalan darurat membicarakan tindak-tanduk PKM yang pernah menjadi musuh utama pihak kerajaan. Peperangan bersenjata melawan komunis hanya tamat secara resmi dalam tahun 1989, ini tidak bererti fahaman komunis telah luput sama sekali. Almarhum Tunku Abdul Rahman tetap tidak mempercayai tindak-tanduk pendokong komunis, lebih-lebih lagi Setiausaha Agungnya, Chin Peng. Bagi Tunku Abdul Rahman, golongan yang berfaham dalam komunis akan kekal dengan fahaman tersebut dan ternyata amat berbeza dengan fahaman masyarakat perdana.<sup>1</sup>

Setiap persoalan tentang komunis akan menjadi sensitif kepada mata umum dan pihak kerajaan. Ianya dilihat sebagai satu bentuk pengkajian yang membicarakan tentang musuh dan fahamannya. Terdapat pelbagai batasan dan

kekangan dalam penulisan tesis ini dari permasalahan tersebut. Fail dan surat dalam simpanan SUK tidak semuanya dapat ditatap untuk pengkajian. Ada yang masih kekal dengan pengelasan ‘*Rahsia Berperingkat*’ walaupun ianya sudah melebihi 25 tahun dari tarikh peristiwa itu berlaku dan sudah 49 tahun dari tarikh pengisytiharan kemerdekaan. Sebarang usaha untuk mendapatkan maklumat tersebut perlu melalui proses birokrasi yang rumit dan memakan masa yang panjang.

Terdapat juga bahan yang kabur dan tidak dapat dibaca. Tulisan-tulisan tangan yang menggunakan dakwat air banyak yang sukar dibaca, ada juga bahan yang sudah mula dimamah usia dan menjadikan beberapa fakta yang hendak diambil menjadi kabur. Untuk mendapatkan maklumat dari bahan-bahan sebegini rujukan di sumber lain seperti tesis, buku, temubual di samping bantuan teknikal dari petugas Arkib Negara khasnya cawangan Kedah telah dibuat. Terdapat juga pertentangan fakta dalam persoalan darurat terutama dalam period awal iaitu dari tahun 1948 sehingga 1952. Ianya wujud disebabkan fakta yang dikeluarkan semasa itu masih lagi dalam kerahsiaan kerajaan. Kekaburan juga didapati dengan percanggahan fakta tentang pertempuran atau insiden yang berlaku akibat dari kelemahan sistem maklumat kala itu.

Aspek temubual juga menghadapi masalah apabila ada pemberi maklumat (*informer*) yang terlalu tua dan sudah tidak dapat mengingati peristiwa lampau dengan tepat. Ada juga pendapat atau fakta yang diberi bertentangan dengan fakta yang diterima secara umum oleh masyarakat perdana atau para sejarawan. Kekangan juga masih meliputi pemikiran rakyat apabila persoalan komunis terus dianggap sebagai sesuatu yang sensitif dan merbahaya untuk dibicarakan secara umum. Sebenarnya pada pandangan penulis sehingga kini kerajaan masih belum lagi mengeluarkan pernyataan umum yang jelas tentang persoalan komunis.

Namun terdapat juga informer yang bersedia untuk memberikan imput kajian secara terang-terangan dan ada juga yang enggan mendedahkan identiti mereka. Penelitian juga dibuat dengan rujukan pada keterangan-keterangan bertulis dan segala bentuk sumber lain untuk kesahihan fakta.

Terdapat juga beberapa orang bekas dan ahli keluarga bekas komunis yang masih hidup di negara kita dan Thailand selepas perletakan senjata pihak PKM dalam tahun 1989. Di Malaysia, para bekas komunis ini telah lama kembali ke pangkuhan masyarakat dan perjuangan lalu dianggap satu sejarah silam yang tidak mahu disebut lagi. Ada juga waris keluarga mereka yang tidak mengetahui bahawa ahli keluarga mereka pada masa lalu adalah anggota komunis. Atas dasar kemanusiaan, penulis terpaksa berpandu kepada sumber-sumber lain dan tidak menjalankan kajian terhadap mereka.

Penulis juga telah melakukan lawatan dan temubual dengan beberapa orang bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) di wilayah Sadao, Thailand. Mereka sekarang telah meninggalkan perjuangan bersama parti tersebut. Kawasan kubu terbesar mereka dijadikan sebagai satu kawasan pelancongan. Walaupun begitu ramai kalangan mereka yang tidak mahu identiti mereka didedahkan. Dalam usaha membuat kajian susulan ke atas mereka kebenaran khusus dari kerajaan Malaysia perlu diperolehi. Lebih malang lagi semasa kajian dibuat berlaku pergolakan politik di sana yang membahayakan perjalanan usaha tersebut. Ini adalah sebahagian darikekangan dalam penulisan yang dihadapi penulis dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Penulisan tentang komunis merupakan sebahagian usaha penulis untuk memperbanyakkan maklumat dan paparan ilmiah untuk generasi sekarang dan akan datang. Pada masa kini, penulisan tentang komunis dan perjuangan melawannya terlalu sedikit – “boleh dikira dengan jari” jumlah penulis yang

membicarakannya. Kekangan birokrasi dan kesukaran mendapatkan sumber kajian adalah sebahagian dari halangan dihadapi. Penulis telah berusaha untuk mendapatkan beberapa bahan kajian dari pihak Polis DiRaja Malaysia melalui bahagian Perhubungan Awam dan juga dari Kementerian Pertahanan. Pandangan dan buah fikiran dari pegawai dan anggota kedua-dua pasukan bersenjata ini telah memberi sumbangan dalam kelancaran kajian ini.

Akhir-akhir ini beberapa memoir para bekas komunis Melayu telah diterbitkan namun ianya juga menimbulkan kontroversi di kalangan rakyat. Rakyat mempunyai pandangan yang pelbagai, lebih-lebih lagi apabila bekas Setiausaha Agung PKM membuat permohonan untuk kembali ke Malaysia. Memoir-memoir ini dilihat oleh sesetengah pihak sebagai usaha pihak musuh untuk menonjolkan diri sebagai pejuang bangsa.<sup>2</sup>

Objektif kajian penulis adalah untuk mengembalikan ingatan dan pemahaman generasi kini dan akan datang tentang penentangan bersenjata yang dilancarkan PKM terhadap pemerintah. Kedah ditumpukan sebagai skop kajian kerana negeri ini jarang dibincarakan tentang komunis sebagaimana Perak atau Pahang. Kedah juga tidak kurang hebat menjadi sasaran pihak PKM, sama ada diancam dengan gerakan bersenjata atau melalui propaganda. Kajian juga memaparkan kebangkitan rakyat membantu pemerintah melawan PKM sebagai sebahagian kesinambungan sejarah kepahlawanan rakyat.

Dalam era keamanan dan kemewahan yang dinikmati generasi kini, kita mudah lupa akan para warga emas dan mereka yang telah gugur samada dari pasukan keselamatan atau rakyat umum yang berjuang untuk mendapatkannya. Sebahagian warga era darurat ini masih hidup walaupun sudah berada di hujung usia. Peluang untuk mendapatkan segala sumber ini masih ada, jika tindakan secara ilmiah tidak diambil suatu masa nanti akan berlaku kekaburuan fakta tentang

persoalan darurat ini. Perlu diingat atas faktor usia, mereka tidak akan lama lagi bersama kita.

## **1.2 Tema Penulisan**

Tema kajian ini adalah perihal keselamatan yang berlaku di Kedah semasa era darurat. Tema ini dapat dilihat dari dua aspek, pertama ialah penentangan pihak komunis khasnya PKM melawan pemerintah British dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kemudianya. Aspek kedua adalah kesan serta permasalahan keselamatan dari sudut sosial, politik dan ekonomi masyarakat Kedah.

Penentangan dari pengertian bererti berlawanan perilaku dan pendapat antara satu sama lain. Dalam kajian ini penentangan membawa maksud penentangan ideologi dan penentangan bersenjata yang agresif PKM ke atas kerajaan Tanah Melayu. Kesan permasalahan komunis dalam kajian ini menumpukan kesukaran yang dihadapi kerajaan dan rakyat Kedah khususnya dalam kempen memerangi ancaman musuh tersebut. Permasalahan dapat dihuraikan dari sudut sosial, ekonomi dan pencaturan politik kala itu. Kajian ini juga menumpukan aspek keselamatan yang meliputi insiden yang berlaku di Kedah dan gerakan susulan yang dilakukan kerajaan serta rakyat Kedah untuk melawan gerila komunis.

### **1.3 Sorotan Literatur**

Penulisan dan pengkajian tentang komunis dan darurat boleh dikatakan agak kurang berbanding pengkajian lain di Malaysia ini. Seperti yang dinyatakan dari awal kekangan sumber dan polisi keselamatan membataskan usaha tersebut. Selain dari tulisan ahli akademik dari pusat pengajian tinggi dan memoir para pegawai British, kajian juga dihasilkan oleh beberapa anggota pasukan keselamatan berdasarkan peningkatan tahap akademik. Latar belakang dan kedudukan mereka dalam jabatan yang melibatkan aspek keselamatan telah menghasilkan satu bentuk maklumat yang tepat dan menarik. Apabila pihak PKM meletak senjata terdapat beberapa bekas pemimpin komunis yang menghasilkan tulisan untuk menceritakan perjuangan mereka dari sudut mereka sendiri.

Kajian atau penulisan yang awal dibuat beberapa penulis samada ahli akademik atau para petugas yang terlibat semasa darurat. '*Komrad Bertopeng*' yang dipetik dari judul asal '*The Masked Comrades*'(1979)<sup>3</sup> dihasilkan oleh Cheah Boon Kheng yang merupakan mantan Profesor Sejarah di Universiti Sains Malaysia. Kajian ini lebih menumpukan kewujudan dan perjalanan Barisan Bersatu Komunis di Malaya dari selepas Perang Dunia Kedua hingga tercetusnya darurat.

Kajian ini mendedahkan tentang sejarah pembentukan, pengurusan, tokoh hingga kepada tindakan kerajaan untuk melumpuhkan badan tersebut. Barisan Bersatu yang diteraskan oleh pelbagai pertubuhan bukan kerajaan yang turut juga melibatkan kesatuan sekerja adalah medan awal pertapakan komunis di Malaya. Ia merupakan paparan yang padat dengan fakta perihal kewujudan dan gerakan pihak komunis . Namun begitu maklumat tentang Kedah tidak disentuh secara khusus hanya lebih kepada gerakan keseluruhan di Tanah Melayu.

Kajian yang menjuruskan kepada persoalan negeri dibuat dari Osman Mamat di peringkat Sarjana Muda dengan judul ‘*Darurat Di Terengganu 1948-1960*’.<sup>4</sup> Kajian beliau melihat darurat dari sudut ekonomi dan sosial yang memberi kesan kepada perjalanan hidup rakyat di Terengganu dalam tempoh 12 tahun. Kajian ini bagaimana pun tidak banyak memaparkan perihal ancaman dan pertempuran yang dihadapi rakyat mahu pun pasukan keselamatan dalam tempoh tersebut. Cheah Boon Kheng kembali dengan ‘*Red Star Over Malaya*’ dalam tahun 1983 yang juga merupakan kajian ilmiah beliau di peringkat Ijazah Kedoktoran.<sup>5</sup> Kali ini penulisan beliau berkembang dengan penentangan, hubungan kaum dan konflik sosial selepas Jepun dan semasa darurat. Imput tentang peristiwa yang berlaku di Kedah juga agak banyak dalam kajian beliau ini. Apa yang menarik dalam kajian ini peranan yang dimainkan oleh Koumintang yang juga mendapat sambutan di Kedah. Hubungan kaum juga dipaparkan dengan kejadian perselisihan faham yang juga melibatkan kejadian-kejadian di utara semenanjung termasuk Kedah.<sup>6</sup>

Maklumat tentang Kedah juga terdapat dalam kajian Tan Chee Seng bertajuk “Tan Keng Boon: Perisik ‘Jun Tong’ Koumintang China Semasa Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu”.<sup>7</sup> Tesis hasilan graduan Universiti Sains Malaysia ini memang menarik dengan paparan biografi seorang tokoh Koumintang di Tanah Melayu. Terdapat penceritaan menarik tentang peristiwa pembunuhan beramai-ramai ‘*Sook Ching*’ yang dilakukan pihak Jepun terhadap kaum Cina di Bakar Kapur, Sungai Petani. Asas kekejaman inilah juga antara faktor lahirnya sokongan terhadap *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) dan PKM kemudiannya.<sup>8</sup>

Penulisan bekas pegawai Inggeris merupakan koleksi yang banyak didapati untuk tujuan kajian ini. Mereka datang dari pelbagai latar belakang, ada yang selaku

bekas tentera, peladang, polis, wartawan dan yang melibatkan nama besar seperti Gerald Templer sendiri. Tulisan mereka lebih kepada penceritaan terhadap apa yang berlaku di Malaya serta keterlibatan mereka dengan sejarah darurat. Pelbagai nama seperti Leonard Rayner – ‘Emergency Years’,<sup>9</sup> Harry Miller – *Jungle War In Malaya*,<sup>10</sup> Herbet Andrew - ‘The Malayan Emergency?’<sup>11</sup> menceritakan akan darurat dan kisah mereka.

Juga tulisan John Cloake - ‘Templer, Tiger Of Malaya’.<sup>12</sup> Penulisan pegawai Inggeris disertakan dengan maklumat yang terperinci dari fail dari Pejabat Perang dan Pejabat Tanah Jajahan di London. Kandungan kajian mereka diluahkan dengan kritikan serta pendapat mereka terhadap darurat dan langkah yang diambil kerajaan dan pihak komunis. Terdapat pelbagai maklumat mengenai program melawan komunis yang ditunjangi Templer ketika itu dipaparkan. Antara yang menarik dan melibatkan Kedah ialah perjalanan kerja program ‘Heart and Mind’ serta peristiwa pembunuhan Ketua Polis Kedah di Gunung Jerai.

Selain itu penulis tempatan juga turut mengupas isu darurat. Antara yang agak terbaru ialah tulisan Zainuddin Maidin - ‘Wira Tak Didendang’<sup>13</sup> yang melihat dari kacamata kewartawanan dan mengupas kembali proses rundingan yang membawa kepada perletakan senjata PKM. Namun tiada bentuk penulisan atau kajian yang memberikan penumpuan khusus tentang apa yang berlaku di Kedah.

Terdapat juga sedikit sebanyak penulis yang memaparkan sedikit sedutan tentang apa yang berlaku di Kedah walaupun tidak menjurus secara khusus akan perihal komunis. Tulisan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman – ‘Pandang Balik’<sup>14</sup> serta temubual beliau oleh K.Das bertajuk ‘Kenangan Tunku’<sup>15</sup> yang memaparkan pengalaman peribadi beliau sebagai salah seorang pemimpin yang terlibat secara langsung dengan sejarah darurat dan Kedah. Penglibatan beliau

secara peribadi dengan Rundingan Baling yang melibatkan sejarah darurat di Kedah merupakan suatu imput yang jelas, ditambah lagi beliau sebagai ‘watak utama’ dalam peristiwa tersebut,

Namun untuk melihat darurat dari skop yang lebih mendalam, kajian Ho Hui Ling untuk kajian Ijazah Kedoktorannya bertajuk - ‘*Dharurat 1948-1960 Keadaan Sosial Di Tanah Melayu*’ merupakan pemaparan yang agak lengkap.<sup>16</sup> Walaupun tumpuannya hanya aspek sosial namun apa yang terjadi di Malaya ketika itu amat berteraskan fenomena sosial. Segala bentuk pergerakan subversif dari pihak komunis dan langkah pertahanan kerajaan merangkumi skop sosial yang besar. Terdapat juga insiden di Kedah yang dipaparkannya kesan dari tindakan musuh dan kerajaan dalam zaman darurat.

Persoalan sosial yang paling jelas ialah dengan adanya program Kampung Baru (*New Villages*) yang juga merupakan salah satu bentuk perang saraf pihak kerajaan melawan komunis. Terdapat satu kajian ilmiah (tesis) hasilan Ray Nyce seorang graduan Amerika dengan tajuk ‘*The New Villages Of Malaya : A Community Study*’<sup>17</sup>, kajian ini menganalisis akan perjalanan program tersebut serta kesannya terhadap komuniti yang terlibat. Kaum Cina merupakan kaum terbesar yang menyertai program ini dan kajian Ray Nyce juga banyak berkisar tentang kaum Cina, pembudayaan dan kesan program Kampong Baru yang dijalankan terhadap mereka.

Pandangan Amaluddin Darus dengan tajuk ‘*Yakuj dan Makjuj Bertarung di Malaysia*’ mengenai komunisme juga agak menarik walaupun meletakkan tajuk bercorak agama<sup>18</sup> Beliau banyak mengupas tentang strategi komunis yang cuba bergerak dalam elemen sosial seperti pertubuhan politik dan agama. Banyak permainan politik pihak komunis yang disentuh melibatkan beberapa parti politik

seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Parti Islam Se Malaysia (PAS) dan dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sendiri.

Gambaran Kedah masa silam pula dapat dikutip jelas dengan catatan Dato James F. Augustine – ‘*Kedah Zaman Silam*’<sup>19</sup>. Beliau merupakan bekas seorang guru yang bertugas sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Semasa pemerintahan Jepun, beliau bertugas sebagai Penolong Penjaga Harta Musuh (*Assistant Custodian Of Enemy Property*). Penglibatan beliau yang luas dalam pendidikan dan pentadbiran sebelum dan selepas penjajahan Jepun membolehkan catatan yang menarik dipaparkan dalam tulisan-tulisan beliau. Banyak gambaran dan panduan akan perihal sebelum dan era awal selepas Perang Dunia Kedua yang dapat dirujuk dari hasil tulisan beliau. Walaupun skop utama bukanlah tentang komunis namun terdapat sedikit sebanyak maklumat yang dikutip kembali dari pengalaman beliau berhadapan dengan suasana yang wujud penglibatan pihak komunis dalam sejarah Kedah.

Gerakan pasukan keselamatan banyak terdapat dalam tulisan Mohd Reduan Hj Asli – ‘*Pemberontakan Bersenjata Komunis Di Malaysia*’<sup>20</sup> dan Syed Othman Syed Omar - ‘*Rejimen Askar Melayu Di Raja 1933-1968*’.<sup>21</sup> Syed Othman membawa pembaca memahami perjuangan melawan komunis dari sudut tentera manakala Mohd Reduan melihat secara global. Pengalaman anggota pasukan keselamatan juga memberikan imput yang berharga untuk memahami darurat. Tulisan bekas Timbalan Pengarah Cawangan Khas Polis (Bahagian Operasi), Aloysius Chin menghasilkan ‘*The Communist Party Of Malaya, The Inside Story*’<sup>22</sup>, manakala tulisan bekas Ketua Polis Perak Dato Mohd Pilus Yusoh dengan ‘*A Policeman Story*’<sup>23</sup> menceritakan gerakan dan ancaman pihak musuh. Juga diceritakan tentang beberapa personal PKM yang terlibat ketika itu. Namun untuk

mendapatkan imput yang terbaik tentang apa yang terjadi di Kedah masih lagi agak sukar.

Pengalaman para pemegang Pingat Gagah Berani (PGB) dan Setia Pahlawan (SP) boleh dilihat dalam tulisan Syed Othman- '*Pahlawan Angkatan Tentera Malaysia*'<sup>24</sup> yang menceritakan kembali sedikit sebanyak pertempuran pasukan keselamatan dengan pihak musuh. Dalam episod darurat ramai anggota pasukan keselamatan dan orang awam yang dianugerahkan pingat oleh kerajaan British manakala pingat untuk PGB dan SP pula dianugerahkan selepas kemerdekaan. Hampir dalam setiap penulisan dan kajian tersebut darurat Kedah akan dikaitkan dengan lokasi seperti Baling, Sik, Sintok atau Kulim. Kawasan ini menjadi gelanggang tradisi musuh dari awal hingga perletakan senjata dalam tahun 1989.

Melihat pandangan musuh juga memberikan imput yang berguna dalam pensejarahan di Malaysia. Apabila perletakan senjata PKM termetrai di Hatyai, Thailand terdapat usaha pihak akhbar, kumpulan penyelidik, sejarawan dan bekas PKM sendiri untuk menceritakan kembali apa yang telah dilalui PKM. Yang paling utama ialah luahan Chin Peng sendiri dalam '*Alias Chin Peng - My Side Of History*'<sup>25</sup>. Dalam tulisannya terdapat maklumat tentang beberapa pergerakan Pasukan Tempurnya (*Assault Unit*) di selatan Kedah dan memberikan fokus yang luas mengenai Rundingan Baling. Penulis melihat apa yang hendak disuarakan Chin Peng lebih kepada membela diri terhadap pandangan dan tuduhan negatif yang beliau lalui selama ini.

Sehingga saat tesis ini ditulis pihak kerajaan masih belum mengeluarkan sebarang larangan terhadap penerbitan karya bekas ahli parti komunis ini. Ibrahim Chik, salah seorang pemimpin kanan PKM muncul dengan '*Memoir Ibrahim Chik*'<sup>26</sup>

yang menceritakan kembali perjuangan Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Rejimen Ke 10 PKM. Untuk mencari perihal Kedah penglibatan API tidak begitu memberikan maklumat yang jelas. Sedikit titipan dari kajian Mohd Salleh Lamri- ‘*Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*’<sup>27</sup> yang bukan bekas PKM tetapi seorang ahli akademik bidang sains politik yang menumpukan kajian kepada gerakan kiri Melayu yang dianggap sebagai penentang di zaman British. Begitu juga dengan memoir Abdullah C.D.- ‘*Zaman Pergerakan Sehingga 1948*’<sup>28</sup>, bekas pemimpin PKM yang juga menyentuh tentang berjayanya gerakan rakyat yang menyertai Barisan Tani Malaya yang mana beliau adalah antara pelopornya. Kedah ketika itu tidak begitu memberi tumpuan kepada API pimpinan Ahmad Boestaman tetapi lebih kepada Barisan Tani (BATAS) yang diketuai oleh seseorang bernama Mokhtar yang bercawangan di Alor Setar dan Jitra. PKM cuba memainkan jarum untuk mempengaruhi BATAS namun pertubuhan tersebut mempunyai jangka hayat yang pendek dan tidak dapat menandingi pengaruh UMNO.<sup>29</sup>

Seterusnya kebanjiran tulisan bekas ahli PKM ini semakin bertambah dengan siri memoir oleh Salleh Majid, Suriani Abdullah, Abu Samah dan Rashid Mydin. Kesemuanya menceritakan kembali perjalanan perjuangan mereka dalam PKM, seolah-olah cuba menjawab kenyataan Musa Ahmad- ‘*Musa Ahmad Kembali Ke Pangkuhan*’<sup>30</sup> , yang dikeluarkan dalam tahun 1981. Kedudukan Kedah dalam semua memoir hanyalah sekadar Rundingan Baling, gerakan tani – BATAS dan beberapa gerakan bersenjata yang dilancarkan musuh. Jadi kajian ini akan mengisi kekosongan tersebut.

Jika dirujuk kepada keseluruhan kajian, apa yang berlaku di Kedah juga tidak kurang hebatnya dengan apa yang terjadi di negeri lain. Malangnya kesukaran dan kekangan pengkajian menjadikan peristiwa yang timbul hanyalah sekadar apa

yang dirundingkan di Baling. Hampir kesemua penulisan dan pengkajian melihat darurat secara umum yang meliputi seluruh tanah air. Pelbagai lagi insiden yang menarik dan mempunyai nilai sejarah yang tinggi terutama perjuangan rakyat dan permasalahan sosial gagal dikutip dari tulisan atau pengkajian sedia ada.

#### **1.4 Latar Belakang Politik, Sosial dan Ekonomi Kedah**

Dalam membincarakan persoalan komunis di Kedah , faktor sedia ada seperti situasi politik semasa dan sebelumnya juga perlu diambil kira. Penglibatan Kedah dalam sejarah darurat juga berkait rapat dengan situasi politik yang berlaku di seluruh Tanah Melayu. Perihal politik pula amat bersangkutan dengan sistem sosial rakyat serta ekonomi sedikit sebanyak akan terbabit. Rencahan aspek ini adalah asas kepada situasi yang muncul kemudiannya.

##### **1.4.1 Politik**

Kedah, dari aspek politik juga seperti negeri lain di alam Melayu ini yang juga tidak terlepas dari ‘sejarah menawan dan ditawan’ kuasa asing. Kedah sebelum abad ke-19 lagi sering bergolak dengan episod diserang oleh negeri atau kuasa luar seperti Bugis, Acheh, Siam dan Inggeris.<sup>31</sup>

Kedah turut terlibat menyerang negeri luar samada untuk mempertahankan dirinya atau demi menjaga kedaulatannya. Antara kuasa luar yang terlibat di Kedah dalam abad ke-20 pula ialah Siam, Jepun dan Inggeris. Siam begitu sinonim dengan sejarah Kedah selama beberapa abad kerana Kedah pernah berada di bawah pentadbiran Siam. Pertautan Kedah-Siam ini hanya berakhir selepas kekalahan Jepun kepada pihak Berikat dalam Perang Dunia Kedua.<sup>32</sup>

Pergolakan politik Kedah selama beberapa abad berkisar kepada percaturan politik dalaman yang banyak melibatkan golongan elit dan hubungan dengan kuasa luar. Pergolakan politik dalaman lebih kepada perebutan kuasa dalam kalangan golongan istana yang kemudiannya mengundang pengaruh luar untuk mencampuri politik tempatan Kedah. Ini dibuktikan dengan beberapa peristiwa perebutan kuasa dalam kalangan kaum kerabat istana yang melibatkan kuasa luar seperti Bugis, Siam dan Inggeris<sup>33</sup>

Pertelagahan dan krisis politik antara Kedah dan kuasa luar juga merupakan satu rentetan sejarah yang panjang. Sehingga tamat Perang Dunia Kedua sejarah Kedah telah berlegar dengan ancaman pihak luar seperti Bugis, Acheh, Siam, Belanda, Jepun dan Inggeris. Permasalahan politik yang agak lama di Kedah ialah melibatkan Siam dan Inggeris. Siam merupakan kuasa yang kuat di sebelah nusantara ini sejak zaman sebelum kegemilangan empayar Melaka sekitar tahun 1400. Kedah pernah diserang Siam dan pernah juga menjadi jajahan serta naungan kerajaan tersebut. Siam menawan Kedah kali terakhir pada tahun 1821 dan menyerah kembali pentadbiran negeri dalam tahun 1842. Pengaruh Siam dalam politik kaum elit juga agak kuat apabila wujud ikatan sosial antara pihak istana Kedah dan kerajaan Siam melalui perkahwinan dan pendidikan.<sup>34</sup>

Namun begitu pengaruh politik dan pentadbiran negeri Kedah banyak dipengaruhi oleh British, terutamanya dalam abad ke-19 dan ke- 20. Penglibatan rasmi yang awal dengan kerajaan Kedah dengan pendudukan Pulau Pinang oleh British dalam tahun 1786. Penerimaan W.G. Maxwell kemudiannya sebagai penasihat British yang pertama dalam tahun 1909 telah menjadi titik mula penyerapan sistem tadbiran barat dalam pemerintahan feudal Kedah. Pada masa yang sama juga Kedah baru sahaja menujuhkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Kedah yang merupakan sebahagian syarat pinjaman kewangan Siam kepada Kedah.<sup>35</sup>

Dari sudut rakyat pula, politik golongan ini lebih merupakan pengikut apa yang berlaku di peringkat atasan. Dalam abad ke-19 belum wujud bentuk pemikiran luar dalam minda politik rakyat Kedah. Pemusatan lebih kepada aspek pembebasan dan mempertahankan Kedah dari ancaman luar serta penyelesaian beberapa krisis dalam kalangan kerabat diraja. Pola ini mula berubah dalam tahun-tahun 1900-an apabila penguasaan ekonomi mula berpindah tangan dari peribumi kepada orang asing.<sup>36</sup>

Dalam kalangan rakyat jelata pula percanggahan pendapat dan fahaman dimulakan dengan percanggahan antara ‘Kaum Tua dan Kaum Muda’. Kaum Tua ialah corak pemikiran tradisi sedia ada dalam kalangan orang Melayu Kedah di kala itu. Fahaman ini tidak begitu agresif dalam persoalan kebangsaan seperti mana yang berlaku di Asia Barat. Kaum Muda pula merupakan aliran pemikiran yang dibawa pulang oleh para pelajar Islam yang menuntut di beberapa pusat pengajian di sana. Mereka terdedah kepada suasana politik dan keilmuan yang lebih revolusioner dan progresif berpandukan gerakan *Pan-Islam* yang dipelopori oleh Sayid Jamaluddin, Syeikh Mohamad Abduh dan Syed Mohamad Rasid Ridha.<sup>37</sup>

Perkembangan minda Melayu kepada idea Timor Tengah ini makin berkembang dengan pengaruh Syed Syeikh Al- Hadi , seorang penuntut Syeikh Muhamad Abduh dari Kaherah yang memimpin gerakan Wahabi (Pembaharuan). Al-Hadi telah menerbitkan akhbar Al-Imam (Pemimpin) yang banyak mengutarakan pembaharuan dari segi anjakan paradigma pemikiran Melayu tradisi ketika itu. Ini ditambah dengan lebih banyak terbitan yang dibawa masuk dari tanah Arab dan juga dari Indonesia.<sup>38</sup>

Perselisihan pendapat ini kemudiannya dipulihkan hasil usaha Tunku Mahmud selaku Timbalan Presiden Majlis Negeri Kedah dengan penglibatan Hj Wan Sulaiman Sidek selaku Sheikul Islam Kedah yang melihat polemik ini sudah menjadi bibit perpecahan di kalangan rakyat,

*“Hamba memikirkan di atas hal muslimin pada masa ini telah menjadi dua kaum, suatu dikatakan Kaum Muda dan suatu dikatakan Kaum Tua”.*<sup>39</sup>

Permuafakatan kedua tokoh tersebut menghasilkan beberapa kitab tulisan Wan Sulaiman yang memelihara keharmonian dan menyelesaikan perselisihan faham tersebut. Tetapi agak menarik apabila polemik sebegini kemudiannya menjadi pendorong kepada pembentukan beberapa kelab dan persatuan tempatan. Dalam peringkat awal ianya lebih bercorak kebudayaan dan tidak merupakan pakatan yang radikal.<sup>40</sup>

Kesedaran kebangsaan ini semakin kuat semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dalam tahun 1903 namun masih lagi tiada penyatuan dalam kalangan orang Melayu dalam satu wadah politik. Ariffin Ishak dari Kedah menyarankan kepada akhbar 'Saudara' terbitan Pulau Pinang agar satu ruangan 'pemuda penulis-penulis akhbar' diadakan. Idea ini tidak mendapat sambutan namun dalam tahun 1934 persatuan yang dipanggil 'Sahabat Pena' ditubuhkan di peringkat kebangsaan dan mendapat sambutan yang baik di Kedah .<sup>41</sup>

Ia adalah sebahagian dari pengaruh kesedaran politik di Pulau Pinang yang memulakan Kesatuan Melayu Pulau Pinang dalam tahun 1930an. Golongan anak muda Kedah juga diinspirasikan oleh sedikit sebanyak faham kebangsaan yang hangat di Indonesia.<sup>42</sup>

Yang lebih bercirikan tempatan ialah kewujudan sebuah syarikat kerjasama yang juga bermotifkan politik semasa zaman Jepun. Syarikat Kerjasama Kebajikan

Am Saiburi (SABERKAS) asalnya adalah Persekutuan Sandiwara Belia-Belia Melayu yang didokong sekelompok anak muda yang ada kesedaran politik pada masa itu. Pakatan ini memulakan aktiviti dengan bentuk perniagaan di samping menanam kesedaran politik kepada ahli. Persatuan ini didaftarkan sebagai syarikat kerjasama disebabkan helah pimpinan pada masa tersebut yang tidak mahu ianya disyaki menyalurkan fahaman kebangsaan oleh British. Di peringkat awal SABERKAS dilihat Ramlah Adam seorang ahli akademik sebagai ‘sedikit sosialis’ tetapi bukan dalam erti kata konsep sosialis yang sebenar.<sup>43</sup>

Agak berbeza dengan pandangan Wan Shamshudin Mohd Yusuf seorang tokoh sejarah Kedah yang melihat ‘politik’ SABERKAS dijalankan dalam dua pengertian. Politik sebelum Perang Dunia Kedua lebih kepada kesedaran ekonomi terhadap orang Melayu yang mula melihat penguasaan kaum Cina. Manakala selepas Kedah diserahkan Jepun kepada Siam maka SABERKAS mula berperanan sebagai wadah semangat kebangsaan.<sup>44</sup>

Kesedaran politik juga datang dari kalangan pelajar lulusan *Sultan Idris Training College* juga membawa pulang idea tersebut di Kedah. Aliran pemikiran Ishak Hj Mohamad, Ibrahim Yaakop disalurkan dalam akhbar ‘Majlis’. Mereka kemudiannya menuju Kesatuan Melayu Muda (KMM). Dalam tahun 1940 KMM telah didirikan di Kedah yang dipimpin oleh Muhammad Arif, kesatuan ini kurang mendapat sambutan masyarakat tempatan Kedah.<sup>45</sup>

Ibrahim mengadakan pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman dan Tunku Yaakop yang amat berpengaruh dikalangan rakyat Kedah dan merupakan juga kerabat istana. Bantuan tenaga pemuda dari *Sultan Abdul Hamid College* dan tenaga pengajar di pondok-pondok diperolehi untuk memperkuatkan KMM di Kedah. Sambutan terhadap kesatuan ini masih dingin disebabkan KMM dilihat

berfahaman kiri. Ia juga terlalu ke hadapan dan tidak sesuai dengan budaya serta kefahaman politik tempatan Kedah kala itu.<sup>46</sup>

#### **1.4.2 Sosial**

Sistem masyarakat meletakkan golongan aristokrat, terpelajar dan ulama sebagai kelompok elit atau golongan yang dirujuk bagi membuat sesuatu keputusan dalam masyarakat. Pentadbiran negeri dimulakan dengan kedudukan Sultan yang merupakan kuasa tertinggi dalam organisasi pentadbiran negeri. Di bawah baginda merupakan Raja Muda yang dalam pensejarahan Kedah tidak semestinya menjadi Sultan kemudiannya. Kelompok elit pula membantu pentadbiran negeri sama ada di pusat atau di daerah. Di pusat ianya didahului dengan jawatan Bendahara, Pembesar Empat, Pembesar Lapan, Pembesar Enam Belas dan Pahlawan Hulubalang. Di daerah kuasa memerintah diketuai oleh Pemegang Mukim, Penghulu, Panglima dan Ketua Kampung.<sup>47</sup>.

Di peringkat bawahan Penghulu merupakan hieraki pentadbiran yang paling hampir dengan rakyat. Sebarang arahan Penghulu dilihat sebagai perintah istana. Penghulu dibantu oleh Panglima atau Ketua Kampong dalam semua kerja pentadbiran. Manakala alim ulamak seperti imam dan tuan guru pondok dimuliakan dalam urusan agama, keputusan mereka tidak akan dicanggah. Ianya disebabkan keilmuan, kedudukan dan penghormatan yang diberikan rakyat kepada mereka. Dalam sejarah Kedah awal, golongan ini juga terlibat dengan politik dan pemerintahan negeri. Begitu juga halnya dengan golongan berpendidikan barat yang kebanyakannya dari orang kenamaan seperti keturunan Tunku, Wan dan Syed juga dipandang tinggi oleh masyarakat.<sup>48</sup>

Aspek sosial di Kedah banyak dipengaruhi oleh keturunan, kekayaan dan pendidikan sama ada agama atau sekular. Namun pada era awal abad

ke-20 golongan yang berpendidikan mendapat kedudukan yang lebih utama dalam kelompok elit Kedah. Golongan anak pembesar dan kerabat diraja akan dibekalkan dengan pendidikan barat dengan satu program pendidikan yang dinamakan ‘Program Pelajar Diraja.<sup>49</sup> Kadar pencapaian tidak begitu dititikberatkan tetapi apa yang penting mereka perlu berpendidikan barat. Peluang yang sebegini menjadikan kolompok elit menguasai pentadbiran dan mempengaruhi sosial budaya tempatan dan rakyat akan mematuhi sebagai lambang rakyat yang setia.<sup>50</sup>

Dalam kalangan rakyat pula pendidikan terbahagi kepada tiga kelompok iaitu yang mempunyai asas pendidikan sekolah Melayu, berkelulusan Inggeris dan institusi pondok-pondok pengajian agama. Sistem pendidikan tempatan Melayu kala itu hanya dihadkan kepada pendidikan asas hingga darjah lima . Pendidikan sebegini hanyalah sekadar mampu “mencelikkan sedikit” mata anak tempatan dalam dunia pendidikan. Pendidikan setahap ini hanya sekadar membolehkan mereka kembali mewarisi perkerjaan keluarga mereka, yang membezakan hanyalah mereka mampu membaca dan menulis. Mungkin ada antara mereka yang berkhidmat dengan kerajaan namun sekadar menjadi guru sekolah rendah di kampung-kampung, peon atau berkhidmat dalam pasukan bersenjata.<sup>51</sup>

Nasib yang agak baik berada di tangan anak tempatan yang berkelulusan Inggeris. Selepas kemasukan Penasihat British didirikan beberapa buah sekolah aliran Inggeris di beberapa tempat di Kedah. Malangnya sekolah-sekolah sebegini hanya didirikan di kawasan bandar yang peluang untuk belajar lebih kepada penduduk yang berdekatan. Pendidikan sememangnya ala British dengan sukatan yang dibekalkan oleh pihak British. Seperti yang dinyatakan dari awal kelompok elit merupakan golongan ramai mendapat pendidikan dalam sistem ini. Hasilnya

kebanyakan mereka mempunyai corak penghidupan ala British dan bekerja sebagai pegawai tadbir negeri dan jabatan-jabatan dalam kerajaan negeri.

Kelompok yang ketiga merupakan kelompok lulusan pengajian Islam di pondok-pondok pengajian yang didirikan oleh orang perseorangan yang dikenali sebagai “Tok Guru”. Pengajian mereka memakan masa yang agak panjang dan mereka akan berpindah dari satu pondok ke pondok lain atas kemahuhan sendiri. Pondok sebegini tidak mengenakan kadar yuran yang khusus. Kedudukan tuan guru dalam sistem sosial masyarakat Kedah menjadikan lulusan pondok ini dihormati dan mendapat tempat dalam hierarki sosial di kawasan kelompok Melayu. Jika pendidikan barat memandang England sebagai kiblat, pengajian pondok menjadikan Timor Tengah sebagai panduan. Kegemilangan sistem pengajian sebegini banyak bertumpu di utara Tanah Melayu seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan utara Perak. Di kawasan pantai timur ianya banyak berpusat di Kelantan dan Terengganu.

Di sebalik tiga bentuk sistem pendidikan yang utama di atas terdapat juga pendidikan Vernakular iaitu sekolah aliran Cina dan India. Sekolah sebegini didirikan oleh kelompok kaum tersebut pada mulanya, ianya makin berkembang dengan bantuan majikan dan pihak kerajaan kemudiannya. Masyarakat Cina masih merupakan kaum minoriti di Kedah sebelum pecah Perang Dunia Kedua . Bancian tahun 1931 menunjukkan dari populasi seramai 429,691 orang penduduk hanya 78,415 orang sahaja kaum Cina. Sekolah-sekolah Cina didirikan di Kedah di bawah pengawasan pejabat Hal Ehwal Orang-orang Cina (*Chinese Protector*). Dalam tahun 1937 wujud sebanyak 84 buah sekolah yang didirikan oleh komuniti Cina di Kedah dengan seramai 211 orang guru berdaftar. Sepertimana barat sekolah Cina juga berkiblatkan tanah besar China dalam pembelajarannya.<sup>52</sup>

Kebanjiran buruh India dengan perkembangan perladangan getah dan perhubungan juga mewujudkan sekolah Vernakular Tamil di Kedah. Kebanyakan sekolah didirikan oleh para pemilik ladang yang disyaratkan dalam Undang-undang Buruh (*Labour Code*).<sup>53</sup> Sehingga ketibaan Jepun terdapat sebanyak 83 buah sekolah seluruh Kedah. Sekolah sebegini juga **berfokuskan** sukan pelajaran dari India sebagai panduan malah tenaga pengajarnya juga ada yang dibawa dari sana.<sup>54</sup>

#### 1.4.3 Ekonomi

Aktiviti ekonomi berkembang dengan kawasan-kawasan perdagangan seperti Lembah Bujang, Sungai Mas, Langgar dan Limpong Kapal. Kedudukan Kedah yang terletak di pintu masuk Selat Melaka serta berpandukan Gunung Jerai menjadikan ianya strategik untuk aktiviti perdagangan melalui jalan laut. Lokasi Kedah juga terletak antara dua tamadun yang besar iaitu China dan India menjadikan ia mampu dijadikan pusat tukaran (*entreport*). Perdagangan Kedah boleh dibahagikan kepada dua era yang utama iaitu ‘Sebelum Kedatangan Agama Islam’ dan ‘Zaman Kesultanan Kedah’.<sup>55</sup>

Sebelum Islam berkembang di alam Melayu, Kedah terkenal dengan tamadun ‘Lembah Bujang’ yang berpengaruh Hindu-Buddha di bawah kerajaan Sriwijaya. Dalam era ini perdagangan Kedah lebih tertumpu ke selatan negeri bermula dari gunung Jerai ke Cherok Tok Kun di Seberang Prai sementara ke utara hingga ke Bukit Choras.<sup>56</sup>

Dalam abad ke-13 dan 14, kedudukan Kedah sebagai pusat ekonomi pelabuhan mula merosot dengan kenaikan Melaka sebagai kuasa ekonomi yang menjadi tumpuan para pedagang dari timur dan barat. Melaka juga menjadi kuasa

yang kuat hingga mampu mencabar Siam. Pengaruh Siam berkembang di Kedah dan negeri tersebut dijadikan benteng bagi mengekang penguasaan Melaka. Pelabuhan Kedah mula lebih penting sebagai strategi pertahanan berbanding perdagangan.<sup>57</sup>

Zaman Kesultanan pula menyaksikan Kedah berhadapan dengan kuasa luar dan seperti Siam, Bugis, Inggeris, Belanda dan Portugis. Seterusnya menyaksikan pelbagai pergolakan dalam dan luar Kedah hasil dari hubungan dengan kuasa-kuasa luar ini. Dalam era ini juga pelabuhan tradisi di sekitar Lembah Bujang sudah tidak mendapat sambutan akibat dari kenaikan Melaka serta perubahan pusat tadbiran kerajaan mula bergerak ke utara negeri tersebut. Kota-kota pentadbiran mula berkembang di Siputeh, Sena, Naga, Indera Kayangan, Bukit Pinang dan Kota Setar.<sup>58</sup>

Kedah juga mempunyai sistem pentadbiran pelabuhan yang tersusun dengan penguatkuasaan undang-undang yang berasaskan Kanun Kesultanan Melaka. Ianya terkenal dengan nama ‘Undang-Undang Pelabuhan Kedah’<sup>59</sup>

Di bawah penjajahan British, Siam dan Jepun, Kedah lebih menumpukan kepada pertanian sebagai teras ekonomi bersamaan pula dengan merosotnya peranan Kedah sebagai pelabuhan perdagangan. Pertanian banyak bertumpu pada penanaman padi dan lada hitam dengan Kedah merupakan penghasil yang besar Tanah Melayu. Kemunculan Pulau Pinang sebagai wilayah kuasaan Inggeris yang kemudiannya terkenal dengan aktiviti pelabuhan juga memberikan impak yang positif kepada ekonomi Kedah yang berasaskan pertanian tersebut<sup>60</sup>.

Getah pula mula berkembang pada era abad ke-20 yang pada peringkat awal ianya tidak begitu menjadi tumpuan peribumi Kedah. Keadaan mulai berubah dengan kenaikan harga getah dalam tahun 1906-1910, ramailah pemodal asing